



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 13/2022

PANGGILAN PUASA RAMADAN

29 Syaaban 1443 H

Bersamaan

1 April 2022

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwat Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ صِيَامَ رَمَضَانَ لِلْخَيْرَاتِ مَوْرِدًا،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، مَا اتَّخَذَ صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ رَبُّهُ بِأَهْدَى،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ إِلَىٰ أَنْ
يُبْعَثَ النَّاسُ غَدًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ.
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Wahai hamba-hamba Allah ! Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri supaya bertaqwa kepada Allah. Dengarlah perintah Allah yang bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam .

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah.

Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana pada hari ini kita dapat kembali mendirikan solat dalam keadaan saf yang rapat tanpa perlu penjarakan fizikal lagi. Pada malam ini atau malam esok pula, kita akan mula menunaikan solat terawih bersama-sama.

Dari mimbar jumaat yang mulia ini, marilah sama-sama kita mengambil renungan dari khutbah bertajuk:

“Panggilan Puasa Ramadan”

Firman Allah swt dalam ayat 183, Surah al Baqarah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.

Allah swt mengisytiharkan suatu pensyariatan besar sebagai anugerah agama kepada hamba yang beriman di kalangan umat Muhammad saw iaitu puasa Ramadan.

Pensyariatan ini dimulakan dengan seruan “**Wahai orang yang beriman**” kerana melalui iman sahajalah syariat ini mampu dilaksanakan dengan jayanya dan dengan iman sahajalah tercapainya segala matlamat dan sasaran yang dikehendaki Allah di dalam diri manusia yang melaksanakannya. Melalui iman jualah manusia sentiasa bersedia untuk menerima segala keputusan dan ketentuan Allah, mematuhi segala perintah dan larangan serta melaksanakan segala syariat.

Puasa adalah suatu bentuk syariat yang pernah dikurniakan Allah kepada umat terdahulu sebelum umat nabi Muhammad saw. Ini menjadi tanda bahawa puasa adalah urusan syariat yang mengandungi hikmat yang sangat agung dan mempunyai maslahat tersendiri yang sentiasa diperlukan oleh umat manusia sepanjang zaman.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Allah swt juga berfirman dengan jelas matlamat puasa iaitu taqwa. Maka puasa adalah salah satu latihan terbaik bagi mencapai ketaqwaan kepada Allah. Melalui ibadat puasa umat Islam dididik mengawal nafsu dengan meninggalkan perkara yang harus di bulan yang lain seperti makan dan minum. Mereka yang mampu meninggalkan perkara harus dan halal dengan sendirinya mampu untuk menjauhi perkara yang syubhat dan haram.

Kaum muslimin yang diberkati,

Puasa Ramadan difardhukan pada tahun ke dua Hijrah dan Rasulullah SAW sempat berpuasa sebanyak 9 kali Ramadan dalam hayat baginda SAW.

Berdasarkan ayat 183, Surah al Baqarah tadi dapatlah dirumuskan bahawa;

1. Kefardhuan puasa Ramadan diperintahkan kepada setiap mukallaf iaitu orang yang berakal dan telah baligh dan juga berkemampuan serta tiada perkara yang menghalangnya dari menunaikan kewajipan berpuasa.
2. Iman yang benar menerima segala syariat Allah samada berat atau ringan dengan hati yang terbuka dan melaksanakannya dengan cara yang terbaik.
3. Puasa adalah syariat penting yang diperlukan oleh umat manusia sepanjang zaman bagi kepentingan diri dan kehidupan bermasyarakat.

4. Puasa menjadi punca perolehan darjat ketaqwaan dengan sifatnya yang mendidik nafsu dan menyekat kehendak syahwat walaupun dalam batasan yang halal seperti makan, minum dan bersetubuh.

5. Puasa melahir semangat muraqabah iaitu merasai pemerhatian dan pengawasan Allah ke atas diri, yang menjadikan seseorang hamba sanggup meninggalkan kehendak nafsunya walaupun berkemampuan kerana bertaqwa kepada Allah swt.

Sidang Jumaat kaum muslimin.

Ramadan yang ditunggu-tunggu datang bertamu lagi. Marilah kita menggunakan peluang keemasan yang dikurniakan Allah swt ini untuk meraih Ramadan terbaik pada tahun ini. Ingatlah, kita tidak hanya dituntut untuk berpuasa di siang hari semata-mata, bahkan kita sangat dituntut untuk memperbanyakkan ibadah pada malamnya dengan solat berjemaah Maghrib, Isyak, solat sunat Tarawih, bertadurus al-Quran dan sebagainya lagi. Dengan kebenaran untuk merapatkan saf semasa solat, sama-samalah kita memenuhi masjid dan surau pada setiap malam.

Dalam masa yang sama, kita perlu memastikan agar amalan-amalan yang dilaksanakan tersebut, terus kekal istiqamah dilakukan sehinggalah menjelang Syawal, bahkan terus menjadi pendorong untuk diamalkan pada bulan-bulan yang selanjutnya. Bukan seperti kata pepatah, hangat-hangat tahi ayam; hanya bersungguh pada awal Ramadan, kemudian hilang ke mana di akhirnya.

Mudah-mudahan budaya dan semangat Ramadan kali ini terus membara dan menyinar sehingga kepada Ramadan yang seterusnya. Sabda Rasulullah saw :

الصَّلَوَاتُ الْخَمْسُ وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ وَرَمَضَانَ إِلَى رَمَضَانَ مُكَفِّرَاتٌ مَا بَيْنَهُنَّ إِذَا اجْتَنَبَ الْكَبَائِرَ.

Maksudnya: "Solat lima waktu, Jumaat ke jumaat berikutnya dan Ramadhan ke Ramadhan berikutnya, menghapuskan dosa-dosa di antara tempoh tersebut apabila dijauhi dosa-dosa besar."

(Hadith riwayat Muslim)

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ
وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ
مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ
وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

Maksudnya: Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Qur'an, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk, dan perbezaan (antara yang benar dan yang salah). Oleh itu, sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan maka hendaklah ia berpuasa dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir (lalu ia berbuka) maka (wajib baginya berpuasa) sebanyak hari yangitinggalkannya itu pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya .kamu bersyukur

(Al Baqarah : 185)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Bersempena dengan sambutan Hari Tentera Darat Ke-89, dan Hari Polis Ke- 215 pada tahun ini, Sukacita Khatib merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yg tidak terhingga kepada seluruh warga Angkatan Tentera Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia di atas segala pengorbanan yg dicurahkan.

Semoga segala sumbangan bakti mereka dalam menjaga keselamatan, keamanan dan kedaulatan tanahair yang tercinta ini mendapat ganjaran di sisi Allah, dilimpahi rahmat dan perlindungan ke atas mereka, agar terus cekal dengan cabaran yang mendatang serta berkhidmat dengan penuh rasa tanggungjawab demi agama, bangsa dan negara.

Sidang Jumaat yang dirahmati,

Marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, pertautkanlah hati kami, perbaikilah hubungan sesama kami, tunjukkan kami jalan-jalan kesejahteraan, selamatkan kami daripada kesesatan, bimbinglah kami menuju kepada kebenaran, jauhkan kami daripada segala keburukan dan kejahatan yang zahir mahupun tersembunyi.

Ya Allah, perkayakan kami dengan ilmu pengetahuan, perelokkan kami dengan budi pekerti, muliakan kami dengan ketakwaan, dan hiasilah kami dengan kesihatan yang baik.

Ya Allah, berkati dan rahmatilah kehidupan, keluarga dan keturunan kami. Terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkau yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. Jadikanlah kami orang-orang yang bersyukur akan nikmat-Mu, penyanjung nikmat-Mu, penerima kurniaan nikmat-Mu, dan sempurnakanlah nikmat-Mu kepada kami.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ .
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .
□ قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ .